

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh: 6-2-91

NILAI DAN GAYA HIDUP ANAK-ANAK DARAH KACUKAN

Oleh:

Jo-Ann Lim Guat Lee

No. Matrik 55778

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sesi 1990/91

ACKNOWLEDGEMENT

Special Thanks To:

- My parents and godmother for their love, support, understanding, caring and everything else money can't buy. My godfather who is always by my side in spirit whenever I'm feeling down and out.
- Encik Juli Edo, my supervisor for his valuable time and guidance throughout this fieldwork and the writing of this report.
- My friends, Sri Devi and especially Manjit Kaur for helping me with my research. Luv U girls!
- My sisters Cynthia, "Love life." Janet, "Take Care U."
- My cousin Joan, "U Can't Touch This."
- God Almighty for giving me the greatest gift of all - LIFE.

Jo-Ann Lim Guat Lee
Jabatan Aantropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 1990/91

SIPNOSIS

Kajian ini bertujuan untuk melihat nilai dan gaya hidup anak-anak darah kacukan. Untuk menjadikan kajian ini lebih berkesan, pengkaji mengambil satu kumpulan responden-responden anak-anak bukan darah kacukan bagi tujuan perbandingan.

Latihan ilmiah ini mengandungi lima bab. Dalam bab pertama, pengkaji menerangkan objektif kajian, konsep-konsep yang digunakan, tempat dan jangkamasa kajian, pemilihan responden, kaedah kajian, masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya.

Bab 2 membincangkan kawasan-kawasan kajian iaitu Sekolah Jururawat Tun Tan Cheng Lock dan Universiti Malaya. Pengkaji memberi penjelasan tentang latarbelakang kedua-dua kawasan dan peratusan sampel yang diambil di situ.

Bab 3 ialah penganalisaan data di mana pengkaji membincangkan latarbelakang para responden, motivasi-motivasi yang membawa kepada berlakunya perkahwinan campur dan pemilihan pasangan hidup oleh para responden.

Bab 4 mengukur nilai dan gaya hidup para responden dengan menggunakan faktor kebudayaan yang meliputi pandangan-pandangan para responden terhadap adat, perayaan, pakaian dan makanan.

Bab terakhir, iaitu bab 5 merumuskan hasil-hasil penemuan dalam bab 3 dan 4.

ISI KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
ACKNOWLEDGEMENT	(i)
SIPNOSIS	(ii)
ISI KANDUNGAN	(iii)
SENARAI JADUAL	(vi)
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Konsep-konsep	6
1.3.1 Kumpulan Etnik	6
1.3.2 Etnosentrisme	7
1.3.3 Kebudayaan	7
1.3.4 Nilai	8
1.4 Tempat Dan Jangkamasa Kajian	8
1.5 Pemilihan Responden	9
1.6 Kaedah Kajian	11
1.6.1 Soal Selidik	11
1.6.2 Temubual	11
1.6.3 Kajian Perpustakaan	12
1.7 Masalah-masalah Kajian	12
1.8 Cadangan Penyelidikan	13
1.9 Kajian-kajian Lepas	13

Muka Surat

BAB 2 KAWASAN-KAWASAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kawasan-kawasan Kajian	
2.2.1 Tun Tan Cheng Lock School of Nursing	15
2.2.2 Universiti Malaya	16
2.3 Pemilihan Responden	17
BAB 3 PENGANALISAAN DATA	
3.1 Pengenalan	19
3.2 Ciri-ciri Umum Sampel	19
3.2.1 Umur	19
3.2.2 Jantina	20
3.2.3 Kumpulan Etnik	21
3.2.4 Agama	23
3.2.5 Penguasaan Bahasa	24
3.2.6 Pendidikan	27
3.3 Perkahwinan Campur	30
3.4 Teori Amalgamasi	37
BAB 4 PANDANGAN-PANDANGAN PARA RESPONDEN	
4.1 Pengenalan	40
4.2 Kebudayaan	40
4.3 Adat Dan Perayaan	42
4.3.1 Bang	42
4.3.2 Tarian Singa	42
4.3.3 Thaipusam	43

Muka Surat

SEBALAI JADUAL

	<u>Muka Surat</u>
4.4 Sikap Dan Pandangan Responden-responden Terhadap Kebudayaan	44
Jadual	
4.5 Pakaian	50
3.1 Taburan Sempel Darah Kacukan Mengikut Jantina	19
BAB 5 PENUTUP	55
3.2 Taburan Sempel Darah Kacukan Mengikut Usia	20
BIBLIOGRAFI	
SOAL SELIDIK	
3.3 Taburan Sempel Darah Kacukan Mengikut Jantina	21
3.4 Taburan Sempel Bulan Darah Kacukan Mengikut Jantina	21
3.5 Rata Rata Sempel Darah Kacukan	22
3.6 Rata Sempel Bulan Darah Kacukan	22
3.7 Agensi Rasa Sempel Darah Kacukan	23
3.8 Agensi Rasa Sempel Bulan Darah Kacukan	24
3.9 Pengalaman Hidup Responden-responden	25
3.10 Interaksyen Pendidikan Sempel	29
3.11 Sejarahan Persekutuan Cina Di Selangor	33
3.12 Faktilitan Fasenjen Hidup Responden Darah Kacukan Dan Bulan Darah Kacukan	34
3.1 Rasio Jantina Populasi Cina dan Melayu Di Semenanjung Malaysia	34

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

PENILAIAN

<u>Jadual</u>	<u>Muka Surat</u>
3.1 Taburan Sampel Darah Kacukan Mengikut Umur	19
3.2 Taburan Sampel Bukan Darah Kacukan Mengikut Umur	20
3.3 Taburan Sampel Darah Kacukan Mengikut Jantina	20
3.4 Taburan Sampel Bukan Darah Kacukan Mengikut Jantina	21
3.5 Ras Rasmi Sampel Darah Kacukan	22
3.6 Ras Sampel Bukan Darah Kacukan	22
3.7 Agama Rasmi Sampel Darah Kacukan	23
3.8 Agama Rasmi Sampel Bukan Darah Kacukan	24
3.9 Penguasaan Bahasa Responden-responden	26
3.10 Latarbelakang Pendidikan Sampel	29
3.11 Peratusan Perkahwinan Campur Di Selangor	33
3.12 Pemilihan Pasangan Hidup Responden Darah Kacukan Dan Bukan Darah Kacukan	35
5.1 Nisbah Jantina Populasi Cina dan India, Semenanjung Malaysia	58

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Masalah perkauman merupakan satu masalah universal di kalangan negara yang penduduknya berbilang kaum dan menyebabkan ramai ahli-ahli sosiologi tertarik kepadanya.

Memandangkan Malaysia sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum tidak hairanlah jika ia turut menghadapi masalah perkauman di kalangan rakyatnya. Peristiwa 13 Mei 1969 di mana tercetusnya pergaduhan di antara kaum menunjukkan masalah tersebut wujud di negara kita walaupun selepas kemerdekaan dicapai.

Rusuhan di antara kaum-kaum Melayu dan Cina berlaku sebaik sahaja selepas pengumuman keputusan pilihanraya 1969. Parti-parti pembangkang DAP dan Gerakan mengadakan beberapa siri perarakan sebagai menyambut kemenangan di mana kebanyakannya tidak mendapat kebenaran pihak polis. Perarakan-perarakan tersebut telah membangkitkan semangat perkauman Cina di mana kaum Melayu direndah-rendahkan. Sebagai reaksi kepada perarakan-perarakan itu UMNO pula mengadakan perarakan atas kemenangannya. Akibat daripada perarakan-perarakan UMNO dan parti pembangkang, kebangkitan semangat kaum-kaum Melayu dan Cina menjadi lebih tinggi lagi. Pergaduhan di antara kedua-duanya telah mengorbankan banyak nyawa dan merosakkan harta benda. Kesannya yang paling penting sekali ialah ia telah memberi satu pengajaran kepada setiap lapisan masyarakat

Malaysia bahawa perlunya satu dasar perpaduan negara.

Selaras dengan itu kerajaan telah melaksanakan berbagai dasar untuk mencapai perpaduan kaum. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 merupakan satu langkah utama untuk mengatasi masalah ini yang cuba dikendurkan melalui strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Berdasarkan kepada matlamat-matlamat ini, maka adalah diharapkan nilai-nilai perpaduan, persefahaman dan kerjasama di antara kaum dapat dicapai dan seterusnya menghindar daripada berlakunya polarisasi di antara kaum.

Pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum adalah satu rancangan membasmi kemiskinan, meninggikan taraf pendapatan dan peluang pekerjaan yang mesti melampaui garis-garis perkauman dan menguntungkan semua rakyat tanpa perhitungan asal-usul kaum.
1

Sebelum DEB dilaksanakan, sistem ekonomi bebas negara kita sebenarnya merupakan sistem ekonomi pasaran yang dikongkong oleh kaum pemodal bertaraf antarabangsa yang mementingkan keuntungan maksima. Akibat daripada ini, jurang agihan pendapatan menjadi tidak seimbang dan semakin meluas. Muncul pula anggapan bahawa satu kaum sedang menguasai bidang ekonomi sementara kaum yang lain menguasai bidang politik.

1 Ucapan Tan Sri Ghazali Shafie, "Demokrasi: Kenyataan-kenyataan Yang Mesti Kita Hadapi", 5.3.1971 dalam Chew Hock Thye, Masalah Perpaduan Nasional, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975, hal.205.

Matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat menerusi aktiviti-aktiviti ekonomi, perdagangan, komersial dan sebagainya ini melibatkan penyertaan anggota masyarakat berbilang kaum. Dasar ini melibatkan sebahagian besar orang-orang Melayu dan bumiputera lain, sebahagian besarnya berorientasikan desa, bertukar menjadi satu masyarakat perdagangan dan perusahaan. Dengan itu monopolি sesuatu kaum dalam satu-satu bidang ekonomi dapat dikurangkan dan seterusnya memberi peluang kepada kaum-kaum yang tercincir dalam bidang itu untuk mengambil bahagian dan menikmati pembangunan negara.

Sama ada DEB berjaya mencapai matlamatnya tidak menjadi tumpuan pengkaji. Sebaliknya pengkaji ingin melihat sama ada ketegangan kaum di kalangan rakyat negara kita masih dirasai ataupun tidak.

Secara umumnya, penduduk negara kita hidup secara aman damai berbanding dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat di mana sering kali berlaku rusuhan kaum di antara rakyat kulit putih dan rakyat berkulit hitam. Namun begitu, di negara kita sentimen-sentimen perkauman masih dapat dirasai. Sebagai contoh, melalui pemerhatian pengkaji sendiri di Universiti Malaya, pengkaji mendapati sebilangan besar pelajar bergaul sesama kumpulan etnik mereka sendiri. Misalannya, Hoo Lai
2 Lai dalam kajiannya tentang hubungan etnik di Universiti

2 Hoo Lai Lai, Hubungan Etnik di Universiti Malaya: Satu Penelitian Terhadap Sikap Pelajar-pelajar Cina, Latihan Ilmiah Antropologi dan Sosiologi, 1989, hal.81.

Malaya mendapati para responden kajiannya jika dibenarkan melakukan sebarang aktiviti yang bebas seperti makan, menonton wayang dan membaca, lebih suka melakukannya dengan rakan-rakan dari etniknya sendiri.

1.2 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini bukanlah untuk melihat hubungan ras yang wujud di negara kita mahupun di Universiti Malaya tetapi bertujuan untuk melihat nilai dan gaya hidup ahli masyarakat yang mempunyai darah kacukan di negara kita dan setakat mana nilai dan gaya hidup mereka berbeza daripada masyarakat yang tidak mempunyai darah kacukan. Pengkaji ingin melihat sama ada masyarakat darah kacukan ini lebih bersikap terbuka dan boleh menerima budaya orang lain jika dibandingkan dengan masyarakat bukan darah kacukan dan jika ini benar, maka pengkaji ingin melihat sama ada perkahwinan campur dapat mengurangkan perasaan ketegangan kaum di negara kita.

Istilah 'perkahwinan campur' dalam konteks kajian ini merujuk kepada perkahwinan di antara pasangan lelaki dan wanita yang berasal dari dua golongan etnik yang berlainan yang wujud di Malaysia. Apa yang dimaksudkan oleh pengkaji dengan 'masyarakat dari perkahwinan campur' ialah anak-anak hasil daripada perkahwinan di antara pasangan lelaki dan wanita yang berlainan kumpulan etnik tadi. Dalam lain kata, masyarakat ini ialah mereka yang mempunyai darah kacukan.

Dalam kajian yang telah dijalankan ini, pengkaji cuba mendapatkan satu gambaran yang jelas tentang nilai dan gaya hidup anak-anak darah kacukan dari segi pergaulan sosial mereka, pandangan mereka terhadap budaya ketiga-tiga kumpulan etnik terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

Bagi tujuan di atas, pengkaji ingin membuat sedikit sorotan satu teori yang agak menarik sebagai satu cadangan untuk perpaduan kaum. Teori yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah Teori Amalgamasi.

3

Mengikut Ting Chew Peh,³ teori amalgamasi boleh dinyatakan dalam formula A + B + C = D. A, B dan C ini mewakili kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan dan D pula mewakili satu kumpulan baru hasil daripada penyatuan A, B dan C. Kumpulan baru ini, D, disebut sebagai 'amalgam'. Dalam konteks Malaysia, A, B dan C ini boleh mewakili kumpulan-kumpulan etnik Melayu, Cina, India dan sebagainya. Amalgamasi yang bermaksud percantuman, biasanya melalui perkahwinan campur, akan menghasilkan satu kaum yang baru. Jadi tujuan utama teori ini ialah menyatukan pelbagai kebudayaan dalam satu-satu masyarakat dan melahirkan satu kebudayaan yang baru.

Dalam kajian ini, pengkaji cuba menilaikan kebenarannya teori ini dan akan diperhatikan dalam bab-bab yang akan datang di mana hasil kajian akan dibandingkan dengan teori ini.

3 Ting Chew Peh, Hubungan Ras dan Etnik: Suatu Pengantar, Pustaka Dimensi, Kuala Lumpur, 1987, hal.179.

1.3 Konsep-konsep

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa konsep bertujuan untuk membantu mencapai matlamat kajian.

1.3.1 Kumpulan Etnik

Istilah etnik atau etnisiti ialah perkataan Yunani 'ethnos' yang membawa maksud orang. Menurut D.J. Stang dan L.S. Wrightsman,⁴ kumpulan etnik boleh dijelaskan seperti berikut:

"A group of people who conceive of themselves – and are regarded by others – as possessing a shared, ancestry, language or cultural background."

Oleh itu apabila perkataan 'kumpulan etnik' digunakan ia merujuk kepada ciri-ciri budaya yang dimiliki oleh satu-satu kumpulan masyarakat tertentu. Istilah etnik ini hanya mementingkan aspek-aspek sosio-budaya seperti bahasa, ugama, adat-istiadat, sikap dan nilai hidup. Masalah perkauman atau hubungan etnik adalah semata-mata ditentukan oleh sikap, nilai, pandangan, prasangka, stereotaip dan pengetahuan satu-satu kelompok terhadap satu kelompok yang lain. Contoh kumpulan etnik di Malaysia ialah orang Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya.

⁴ Stang D.J. dan Wrightman L.S., Dictionary of Social Behavior and Social Research Methods, Brooks/Cole Publishing Co., Monterey, California, 1981, hal.34.

1.3.2 Etnosentrisme

Konsep etnosentrisme ini mula-mula sekali
⁵
dikemukakan oleh William Graham Sumner yang menganggap semua manusia menunjukkan ciri-ciri etnosentrik. Pada dasarnya semua kumpulan etnik mempunyai sikap etnosentrik iaitu mereka menganggap ciri-ciri budayanya sebagai wajar, betul dan lebih 'superior' daripada kebudayaan kumpulan lain. Mereka ini memandang rendah kebudayaan kumpulan lain dan menganggapnya ganjil, 'inferior' atau tidak bermoral. Dalam lain kata, etnosentrisme boleh didefinisikan sebagai:

"A rejection of foreigners and other aliens, abetted by a belief that one's own group is best in all aspects."⁶

Etnosentrisme membayangkan keengganan atau ketidakmampuan suatu kelompok untuk menghargai pandangan kelompok dari kebudayaan atau masyarakat yang lain.⁷

1.3.3 Kebudayaan

Secara umumnya, kebudayaan boleh diertikan sebagai cara hidup sesuatu masyarakat. Melalui proses sosiialisasi, kebudayaan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

⁵ Ting Chew Peh, op.cit., hal. 85.

⁶ Stang, D.J. dan Wrightsman L.S., op.cit., hal.34

⁷ Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hal.22

Dalam lain kata ia memberi maksud berikut:

"Kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat." ⁸

1.3.4 Nilai

Nilai merupakan satu prinsip umum di mana apabila sesuatu masyarakat atau kebudayaan menghadapi satu situasi tertentu yang memerlukan pengadilan dan pemilihan, maka pengadilan dan pemilihan ini akan dilakukan berdasarkan kepada satu ukuran yang sedia ada ⁹ di kalangan masyarakat itu.

Kesemua konsep-konsep tadi amat penting dibincangkan terlebih dahulu sebelum diaplikasikan dalam bab-bab yang seterusnya.

1.4 Tempat dan jangkamasa kajian

Pengkaji memulakan kerja lapangan pada bulan April, 1990 dan menghabiskannya dalam bulan Julai, 1990. Kaedah kajian meliputi penggunaan borang soal selidik. Pengkaji juga melakukan temubual tetapi ia merupakan pelengkap kepada kaedah utama. Kerja lapangan meliputi kawasan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kawasan-kawasan ini dipilih kerana

⁸ Ibid, Hal. 49

⁹ Ibid, hal. 78

mempunyai populasi yang ramai dan juga ia mudah untuk menemui anak-anak dari perkahwinan campur.

1.5 Pemilihan Responden

Pengkaji memilih 25 orang responden yang terdiri dari ahli masyarakat yang mempunyai darah kacukan. Mereka ini adalah anak-anak hasil daripada perkahwinan di antara pasangan Melayu-Cina, Melayu-India, Cina-Serani, Cina-India dan India-Serani.

Dalam kajian ini, kumpulan etnik Serani ini tidak dianggap sebagai satu kategori untuk mengkelasifikasikan anak-anak hasil perkahwinan campur kerana anak-anak dari ibu bapa Eropah dan Asia tidak dikategorikan sebagai Serani tetapi dikategorikan di bawah kumpulan etnik bapa mereka. Oleh itu, kumpulan Serani ini dianggap sebagai satu etnik yang mempunyai budaya tersendiri dan merupakan satu kumpulan minoriti di negara kita.

Selain daripada 25 orang responden tadi, pengkaji juga memilih 15 orang lagi responden yang terdiri dari masyarakat Malaysia yang tidak mempunyai darah kacukan. Kumpulan ini dijadikan sebagai kumpulan kawalan (control group) bagi tujuan perbandingan.

Kedua-dua kumpulan responden ini dipilih melalui kaedah
10
'snowball sampling'. Mengikut Kenneth D. Bailey, persampelan
ini dilakukan secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama
melibatkan pemilihan beberapa orang melalui temubual untuk
mendapatkan responden. Peringkat kedua pula melibatkan
temubual responden yang telah dipilih dan ini berlaku secara
berterusan.

Dalam kajian ini, pengkaji memberikan borang soal
selidik kepada responden-responden yang dikenali. Responden-
responden ini pula memperkenalkan kenalan-kenalan mereka
kepada pengkaji dan hal ini berlaku seterusnya.

Untuk kajian ini, pengkaji mengemukakan hipotesis
berikut berdasarkan kepada indeks etnosentrisme.

"Masyarakat darah kacukan mempunyai pandangan
dan fikiran yang lebih terbuka berbanding
dengan masyarakat bukan darah kacukan."

Maksudnya 'pandangan dan fikiran yang lebih terbuka' di
sini ialah masyarakat darah kacukan lebih menerima kebudayaan
orang lain dan mereka tidak menilainya secara kritis
berbanding dengan masyarakat bukan darah kacukan.

10 Bailey, K.D., Kaedah Penyelidikan Sosial,
terjemahan Hashim Awang, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur, 1984, hal.148.

1.6 Kaedah Kajian

1.6.1 Soal Selidik

Pengkaji menggunakan dua bentuk soal selidik iaitu 'open-ended' dan 'close-ended'. Dalam soal selidik berbentuk 'open-ended' responden-responden dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan memberi pandangan mereka terhadap satu-satu perkara. Bentuk soal selidik 'close-ended' pula memerlukan responden-responden menjawab soalan-soalan dengan memilih jawapan-jawapan yang disediakan.

Bentuk yang pertama tadi menimbulkan beberapa masalah kepada pengkaji. Masalah pertama yang dihadapi ialah bentuk tersebut menggunakan masa yang agak lama dan pengkaji terpaksa meluangkan masa yang banyak untuk menjelaskan cara menjawab soalan-soalan tersebut kepada responden-responden. Masalah yang kedua pula ialah soalan-soalan 'open-ended' mengkehendaki responden-responden menjawabnya secara bebas. Oleh itu pengkaji menghadapi kesukaran untuk menganalisa jawapan-jawapan yang diberikan.

1.6.2 Temubual

Kaedah temubual hanya dilakukan ke atas setengah-setengah responden sebaik sahaja selepas mereka menjawab borang soal selidik. Responden-responden lain pula tidak ditemubual kerana borang soal selidik diedarkan kepada mereka melalui kenalan-kenalan pengkaji. Secara

puratanya, responden-responden mengambil masa selama lebih kurang 20 minit seorang untuk menjawab satu borang soal selidik.

1.6.3 Kajian Perpustakaan

Pengkaji juga telah melakukan kajian perpustakaan sebelum dan semasa kajian ini dijalankan.

Pertama sekali, rujukan perpustakaan dilakukan sebelum pengkaji memulakan kerja lapangan yang bertujuan untuk memberi panduan bagi menyediakan borang soal selidik.

Tujuannya yang kedua ialah sebagai panduan untuk menulis latihan ilmiah ini supaya satu gambaran yang jelas tentang konsep-konsep serta pemahaman yang lebih mendalam mengenai kehendak kajian ini dapat diperolehi.

1.7 Masalah-masalah Kajian

Masalah yang pertama sekali yang dihadapi oleh pengkaji ialah masalah untuk mendapatkan responden-responden darah kacukan memandangkan mereka ini dalam bilangan yang kecil berbanding dengan kaum-kaum lain di negara kita.

Masalah yang kedua ialah adanya setengah-setengah responden yang tidak memahami soalan-soalan yang dikemukakan. Ada pula di antara mereka yang menunjukkan keberatan untuk menjawab soalan-soalan yang memerlukan pandangan mereka. Pengkaji mendapati mereka ini sama ada tidak memahami soalan-

soalan yang dikemukakan ataupun dengan sengaja tidak mahu menjawab soalan-soalan tersebut.

Masalah yang ketiga pula ialah mendapatkan maklumat dari Jabatan Pendaftaran Negara. Dalam hal ini pengkaji terpaksa berulang-alik banyak kali sebelum memperolehi maklumat yang dikehendaki. Walaupun begitu, kakitangan Jabatan tersebut tetap sedia memberi kerjasama mereka dengan pengkaji.

1.8 Cadangan Penyelidikan

Untuk pengkaji-pengkaji yang ingin melakukan kajian yang serupa pada masa yang akan datang, pengkaji mencadangkan supaya responden-responden darah kacukan yang dipilih seharusnya mempunyai jumlah yang sama. Ini bermakna responden-responden darah kacukan Melayu-Cina, Melayu-India, Cina-India dan sebagainya mempunyai jumlah responden yang sama setiap satunya.

Pengkaji juga mencadangkan supaya temubual dilakukan ke atas kesemua orang responden untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam lagi bagi borang soal selidik yang telah dijawab.

1.9 Kajian-kajian Lepas

11

Hoo Lai Lai (1989) dalam kajiannya mengenai hubungan etnik menunjukkan bahawa seramai 62% daripada jumlah

11 Hoo Lai Lai, Op.Cit., hal.117

respondennya bersetuju bahawa perkahwinan campur boleh mewujudkan perpaduan di antara kaum. Hanya 30% responden sahaja yang berpendapat bahawa soal kahwin campur tidak akan berjaya mewujudkan perpaduan. Sementara itu baki peratus responden yang lain mengatakan bahawa ia akan berjaya hingga ke satu tahap sahaja.

12

Sanusi Osman (1981) dalam kajiannya mengenai perkahwinan antara etnik di bandar Melaka, mendapati bahawa perkahwinan campur berlaku dalam semua kumpulan etnik. Apa yang berbeza ialah bilangan yang terlibat dalam perkahwinan itu. Beliau juga mendapati yang peratusan perkahwinan campur adalah lebih tinggi di kalangan golongan minoriti seperti Portugis. Hal ini mungkin berlaku kerana keinginan kumpulan ini menyesuaikan diri mereka dengan kumpulan majoriti yang lain.

Namun begitu terdapat banyak faktor-faktor lain yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perkahwinan antara etnik di negara ini.

12 Sanusi Osman, Perkahwinan Antara Etnik: Satu Kajian Di Bandar Melaka, Jurnal Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan, AKADEMIKA, Julai 1981.

BAB 2

KAWASAN-KAWASAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Kaedah kajian meliputi penggunaan borang soal selidik dan temubual. Borang-borang soal selidik diedarkan melalui rakan-rakan pengkaji kepada kenalan-kenalan mereka. Hampir kesemua borang soal selidik ini diedarkan cara demikian. Dua kawasan besar yang diliputi oleh pengkaji ialah Tun Tan Cheng Lock School of Nursing dan Universiti Malaya.

Seterusnya pengkaji membincangkan secara sepintas lalu latarbelakang kedua-dua kawasan kajian.

2.2 Kawasan-kawasan Kajian

2.2.1 Tun Tan Cheng Lock School of Nursing

Sekolah jururawat Assunta ini dimulakan oleh Sister Madonna K. Purcell 25 tahun yang lalu pada 1hb Februari 1961 dengan objektif utamanya ialah untuk menyediakan kerjaya bagi wanita-wanita muda yang berminat dalam lapangan jururawat.

Pada tahun pertama sekolah ini dimulakan ia mempunyai jumlah penuntut seramai 27 orang. Pada tahun berikutnya, jumlah ini meningkat ke angka 40 dengan kelulusan "Malaysian Nursing Board".

Pada mula-mulanya, penuntut-pentuntut sekolah ini ditempatkan di bangunan Hospital Assunta itu sendiri,

sehingga bangunan baru 5 tingkat didirikan pada bulan Ogos tahun 1967. Bermula dari situ, Sekolah Jururawat Assunta telah mula dikenali sebagai 'Tun Tan Cheng Lock School of Nursing', yang di buka secara resmi oleh Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Sultan Abdul Hamid.

Dalam tahun 1973 kursus latihan yang memakan masa 40 bulan telah dikurangkan kepada 36 bulan. Pada tahun 1980 pula, Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar. Sehingga tahun 1986, seramai 396 mahasiswa telah berjaya dihasilkan dalam bidang jururawat melalui sekolah ini. Ada di antara mereka yang masih bertugas di Hospital Assunta, yang lain pula di hospital-hospital dan klinik-klinik di seluruh negara. Ada pula di antara mereka yang sedang bertugas di luar negeri.

Bilangan penuntut sekolah ini berkembang setiap tahun dan kini ia mempunyai penuntut seramai 96 orang.

2.2.2 Universiti Malaya

Universiti Malaya merupakan universiti pertama di negara kita yang terletak di kawasan yang merangkumi 303.52 hektar, tidak jauh dari ibu negara Kuala Lumpur.

Ia ditubuhkan untuk mengganti Universiti Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1949 di Singapura untuk menampung keperluan pelajar-pelajar Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

Akhirnya undang-undang dikuatkuasakan untuk menjadikan Universiti Malaya di Singapura sebagai Universiti Nasional Singapura dan dengan itu pada 1hb Januari 1962, Universiti Malaya ditubuhkan di Malaya.

Untuk sesi tahun 1987/88, bilangan pelajar Universiti Malaya berjumlah 8812 orang (Latihan Ilmiah Hoo Lai Lai 1988/89 m.s. 4). Daripada jumlah pelajar tersebut, 2628 terdiri daripada pelajar Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 1478 Fakulti Sains dan 1420 Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.

Pengkaji hanya mengambil perangkaan 3 fakulti tersebut kerana para responden kajian merupakan pelajar-pelajar fakulti berkenaan. Walaupun perangkaan yang diberi itu bukanlah yang terbaru, pengkaji berharap ia masih dapat memberi satu gambaran yang umum tentang jumlah pelajar fakulti-fakulti yang ternyata tadi.

2.3 Pemilihan Responden

Kaedah memilih sampel telah pun dijelaskan dalam bab 1. Dalam bab ini, pengkaji hanya akan memberi sedikit penjelasan terhadap bilangan responden yang diambil dari kedua-dua kawasan kajian yang disebut terlebih awal dalam bab ini.

Lebih kurang 40% daripada para responden darah kacukan dan bukan darah kacukan diambil dari sekolah jururawat Tun Tan Cheng Lock dan 50% lagi dari Universiti Malaya. 10% lagi responden adalah kenalan-kenalan pengkaji yang belajar di

Kolej Stamford Petaling Jaya dan ada juga di antara responden yang bekerja.

Jadi, dalam bab ini pengkaji cuba memberi satu gambaran umum kepada para pembaca, kawasan-kawasan kajian yang telah dipilih dan peratusan sampel setiap kawasan.

Pengkaji memilih Universiti Malaya, kerana pengkaji sendiri merupakan seorang pelajar universiti tersebut. Oleh itu, kajian dapat dijalankan kerana pengkaji mempunyai kenalan-kenalan yang agak ramai untuk dijadikan responden darah kacukan. Ini tidak bermakna pengkaji tidak memilih kumpulan responden bukan darah kacukan di situ. Pengkaji berjaya mengambil kedua-dua set sampel dari Universiti Malaya.

Selain itu, pengkaji juga mengambil keputusan untuk menjadikan sekolah Jururawat Tun Tan Cheng Lock kawasan kajian kedua. Ini disebabkan pengkaji mempunyai agak ramai juga kenalan darah kacukan di situ. Sama juga seperti kawasan kajian pertama tadi, pengkaji juga memilih responden-responden bukan darah kacukan.

Borang-borang soal selidik diedarkan kepada beberapa orang responden di kedua-dua kawasan kajian dan mereka pula memberi borang-borang tersebut kepada lain-lain kenalan mereka.

Kawasan kajian kedua tadi juga dipilih kerana ia senang dihubungi.

BAB 3

PENGANALISAAN DATA

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan ciri-ciri umum sampel. Ciri-ciri umum ini termasuklah umur, jantina, kumpulan etnik, agama serta pendidikan sampel. Dalam lain kata, bab ini mempersebahkan latarbelakang responden-responden kajian ini.

Bab ini juga menjelaskan motivasi-motivasi yang membawa kepada perkahwinan campur.

3.2 Ciri-ciri Umum Sampel

3.2.1 Umur

Jadual 3.1

Taburan Sampel Darah Kacukan Mengikut Umur

Umur (Tahun)	Frekuensi	Peratusan	Peratusan Terlonggok
18-20	12	48%	48%
21-23	7	28	76
24-26	3	12	88
27-29	3	12	100
Jumlah	25	100	100

Jadual 3.1

Taburan Sampel Bukan Darah Kacukan Mengikut Umur

Umur (Tahun)	Frekuensi	Peratusan	Peratusan Terlonggok
18-20	1	7%	7%
21-23	10	67	74
24-26	4	26	100
Jumlah	15	100	100

Jadual 3.1 dan 3.2 menerangkan umur responden-responden darah kacukan dan bukan darah kacukan. Kedua-dua kumpulan sampel adalah terdiri daripada mereka yang belum mendirikan rumah tangga lagi. Pengkaji memilih responden-responden sedemikian kerana mereka ini disoal tentang pemilihan mereka terhadap pasangan untuk berkahwin sebagai satu ukuran kepada nilai hidup mereka.

3.2.2 Jantina

Jadual 3.3

Taburan Sampel Darah Kacukan Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	10	40 %
Perempuan	15	60
Jumlah	25	100

Jadual 3.4

Taburan Sampel Bukan Darah Kacukan Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	4	27 %
Perempuan	11	73
Jumlah	15	100

Jadual 3.3 dan 3.4 menerangkan jantina kedua-dua kumpulan sampel. Dalam kedua-dua kumpulan tersebut peratusan sampel perempuan adalah lebih tinggi daripada peratusan sampel lelaki. Walaupun begitu, perbezaan ini tidak seharusnya menjelaskan penyelidikan ini kerana pengkaji ingin membuat perbandingan di antara kedua kumpulan responden dan bukan perbandingan di antara jantina.

3.2.3 Kumpulan Etnik

Untuk kumpulan responden darah kacukan, walaupun ibu dan bapa mereka ini terdiri daripada kumpulan etnik yang berlainan, mereka ini secara rasminya tergolong ke dalam kumpulan etnik bapa mereka.

Jadual 3.5

Ras Rasmi Sampel Darah Kacukan

Ras Rasmi	Bilangan	Peratusan
Melayu	5	20 %
Cina	6	24
India	13	52
Lain-lain (Serani)	1	4
Jumlah	25	100

Jadual 3.6

Ras Sampel Bukan Darah Kacukan

Ras	Bilangan	Peratusan
Melayu	1	7 %
Cina	6	40
India	8	53
Jumlah	15	100

Kedua-dua jadual 3.5 dan 3.6 menunjukkan ras (kumpulan etnik) responden-responden mengikut surat beranak mereka. Responden-responden darah kacukan dalam kajian ini terdiri daripada:

- (a) Melayu-Cina
- (b) Melayu-India

- (c) Cina-India
- (d) Cina-Serani
- (e) India-Serani.

Dalam kes-kes di atas, apa yang dimaksudkan dengan darah kacukan India-Cina dan sebagainya ialah bapa kepada responden tersebut terdiri dari kumpulan etnik India (atau Cina) dan ibunya ialah dari kumpulan etnik Cina (atau India).

3.2.4 Agama

Jadual 3.7

Agama Rasmi Sampel Darah Kacukan

Agama	Bilangan	Peratusan
Islam	5	20 %
Buddha	-	-
Hindu	4	16
Kristian	15	60
Tiada	1	4
Jumlah	25	100

Jadual 3.8

Agama Rasmi Sampel Bukan Darah Kacukan

Agama	Bilangan	Peratusan
Islam	1	7 %
Buddha	2	13
Hindu	7	47
Kristian	5	33
Jumlah	15	100

Jika kita meneliti jadual 3.7, kita akan mendapati bahawa sebilangan besar responden darah kacukan adalah beragama Kristian, iaitu 60% daripada jumlah keseluruhan responden. Sementara itu, seorang responden dalam kumpulan ini tidak menganuti apa-apa agama.

Bagi responden bukan darah kacukan pula (jadual 3.8), 47% daripada mereka menganuti agama Hindu. Tujuan menganalisa agama yang dianuti oleh para responden ialah untuk melihat sama ada faktor agama mempengaruhi nilai dan gaya hidup mereka. Faktor ini akan ditinjau dengan lebih lanjut kemudian nanti.

3.2.5 Penguasaan Bahasa

Bahasa merupakan satu alat penting bagi perhubungan manusia. Tanpa bahasa tidak akan wujudnya

hubungan-hubungan di kalangan rumpun bangsa atau kelompok-kelompok masyarakat. Memang tidak dapat dinafikan lagi tentang pengwujudan sesuatu bahasa itu bermula apabila wujudnya bangsa tersebut.

Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan digunakan di segenap sudut negara, sudah tentu ia memainkan fungsi penting dan berkesan sebagai alat perhubungan. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dan komunikasi di institusi-institusi pendidikan dapat menyediakan peluang bagi individu-individu dari latarbelakang yang berlainan untuk berinteraksi di antara satu sama lain. Bahasa Malaysia tidak seharusnya diajar sebagai satu matapelajaran yang memerlukan kelulusan dalam peperiksaan di sekolah-sekolah tetapi lebih penting lagi sebagai satu bahasa pertuturan harian untuk mengusahakan pemahaman antara kaum dan interaksi di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Kedudukan Bahasa Malaysia telah menjadi semakin cerah dan sebagai alat perpaduan di kalangan rakyat negara ini.

Jadual 3.9

Penguasaan Bahasa Responden-responden

Responden-responden	Bahasa-bahasa Pertuturan				Jumlah	
	Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris		Bahasa Cina/Tamil		Bilangan	%
	Bilangan	%	Bilangan	%		
Darah Kacukan	7	28	18	72	25	100
Bukan Darah Kacukan	4	27	11	73	15	100

Jadual 3.9 menunjukkan bahawa sebilangan besar responden darah kecukan dan bukan darah kacukan boleh bertutur dalam dua atau lebih bahasa (selain dari Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris) iaitu 72% dan 73% masing-masing. Bagi responden darah kacukan hanya 28% sahaja bertutur dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan bagi responden bukan darah kacukan 27% bertutur dalam dua bahasa.

Ada pula di antara responden-responden darah kacukan yang boleh bertutur dalam empat bahasa iaitu bahasa Tamil dan Cina (juga termasuk Bahasa Malaysia dan Inggeris). Mengikut setengah-setengah responden, melalui temubual dengan pengkaji, mereka akan bercakap bahasa Tamil dengan bapa mereka dan dalam bahasa Cina dengan ibu mereka apabila berada di rumah (bagi responden yang bapa mereka berketurunan India dan ibu mereka berketurunan Cina).

3.2.6 Pendidikan

Pendidikan adalah proses untuk mendapat maklumat atau pengetahuan, mendapat garis-garis panduan untuk bertingkah laku bagi berhadapan dengan cabaran-cabaran harian. Melalui pendidikan, perkembangan dan pengekalan kebudayaan terutama sekali dari segi kawalan sosial, pewarisan ilmu pengetahuan dan penentuan cara hidup sesuatu masyarakat dapat diperolehi.

Pendidikan memainkan peranan dalam menentukan corak penerimaan kebudayaan, sama ada untuk mengubah atau mengekalkan sesuatu budaya itu. Dengan adanya pendidikan, seseorang itu dapat berfikir untuk menerima atau menolak perkara-perkara yang tidak dikehendaki.

Pendidikan juga bertujuan untuk mencapai matlamat perpaduan seperti yang tercatat dalam DEB. Objektif utama dasar pelajaran ialah untuk membawa bersama kanak-kanak dari berbilang bangsa di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan. Dasar pelajaran ini harus menyediakan berbagai-bagai kumpulan etnik dengan satu pengalaman pendidikan yang saksama supaya nilai-nilai yang dimiliki bersama ini akan membawa kepada satu budaya yang sama sebagai asas untuk integrasi nasional. Perlaksanaan dasar pelajaran kebangsaan menerusi penggunaan satu bahasa perantaraan iaitu Bahasa Malaysia, dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi, sudah pasti akan dapat melahirkan ahli

masyarakat yang berilmu dan berfikiran rasional. Malahan mereka yang berbilang kaum ini akan dapat berinteraksi dengan lebih saksama dan bersefahaman dan sebaliknya menghindarkan berlakunya persengketan atau polarisasi di antara kaum.

Jadual 3.10 menerangkan latarbelakang pendidikan sampel darah kacukan dan bukan darah kacukan. Pengkaji cuba mengaitkan faktor pendidikan dengan pergaulan sosial responden-responden, iaitu sama ada faktor tersebut mempunyai kesan ke atas pemilihan kawan-kawan oleh responden-responden. Di sini pengkaji mengandaikan bahawa mereka yang berpendidikan dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris tidak begitu memilih kawan pergaulan jika dibandingkan dengan mereka yang berpendidikan bahasa Cina atau bahasa Tamil. Pengkaji mengandaikan bahawa mereka yang berpendidikan sekolah jenis kebangsaan (Cina atau Tamil) lebih cenderung memilih kawan pergaulan dari bangsa yang sama dengan mereka. Andaian ini adalah berdasarkan kepada faktor bahawa sebilangan besar pelajar yang berpendidikan sekolah jenis kebangsaan (Cina atau Tamil) adalah dari bangsa Cina atau India dan oleh sebab itu, sudah tentu mereka akan mempunyai kawan-kawan dari kumpulan etnik yang sama.

Jadual 3.10

Latarbelakang Pendidikan Sampel

Pendidikan	Responden-responden							
	Darah Kacukan				Bukan Darah Kacukan			
Bahasa Tahap Pengantar Pendidikan	Bahasa Malaysia (%)	Bahasa Inggeris (%)	Bahasa Cina (%)	Jumlah (%)	Bahasa Malaysia (%)	Bahasa Inggeris (%)	Bahasa Cina (%)	Jumlah (%)
Sekolah Rendah	92	4	4	100	80	-	20	100
Sekolah Menengah	100	-	-	100	100	-	-	100
Kolej/Universiti/ Institusi	53	47	-	100	73	27	-	100

Daripada jadual 3.10, didapati bahawa hanya 4% dari responden darah kacukan berpendidikan sekolah jenis kebangsaan (Cina) pada tahap sekolah rendah. Sementara itu 20% responden bukan darah kacukan pula berpendidikan sekolah jenis kebangsaan (Cina) juga pada tahap sekolah rendah sahaja. Daripada borang soal selidik, didapati bahawa untuk responden darah kacukan yang berpendidikan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina [(SRKJ(C)] tidak memilih kawan dari bangsa yang sama. Responden ini mengatakan bahawa beliau tidak mengambil kira faktor bangsa bagi memilih kawannya. Responden bukan darah kacukan pula yang berpendidikan SRKJ(C), 66.7% dari mereka mengaku bahawa sebahagian besar rakan pergaulan mereka adalah dari kumpulan etnik yang sama. Baki yang 33.3% itu pula mempunyai rakan-rakan pergaulan dari

kumpulan etnik Melayu dan Cina.

Dari keterangan di atas, pengkaji boleh membuat rumusan bahawa latarbelakang pendidikan tidak mempengaruhi pemilihan rakan-rakan pergaulan oleh responden-responden. Responden-responden kajian ini hanya berpendidikan sekolah jenis kebangsaan Cina pada peringkat sekolah rendah sahaja. Oleh itu faktor tersebut tidak memainkan peranan yang besar terhadap pemilihan rakan-rakan pergaulan oleh responden-responden.

3.3 Perkahwinan Campur

13

Mengikut Walter F. Char,¹³ terdapat banyak motivasi bagi satu-satu perkahwinan 'intercultural'. Biasanya perkahwinan campuran adalah akibat daripada kombinasi beberapa faktor sama ada secara sedar atau tidak sedar. Perkahwinan campuran perlu diinterpretasikan dalam konteks masa, tempat dan kumpulan-kumpulan budaya yang terlibat (dalam konteks kajian ini, sila lihat penjelasan dalam Bab 1).

Secara kasar, beberapa motif perkahwinan campur (intercultural) boleh diterangkan seperti di bawah.

Cinta merupakan salah satu motif. Walaupun sukar untuk mendefinisikan cinta, tetapi ianya dianggap sebagai satu

13 Char, W.F., "Motivations For Intercultural Marriage" dalam Wen-Shing Tseng, McDermott Jr., John F., Maretzki, Thomas W., Adjustment In Intercultural Marriage, Dept. of Psychiatry, University of Hawaii, 1977, hal. 33.

motivasi yang diberi penilaian tinggi bagi sesuatu perkahwinan. Walaupun terdapat tekanan sosial dan tentangan keluarga yang kuat, pasangan dalam satu perkahwinan campur masih berkahwin kerana cinta.

Motif kedua iaitu peluang dan hal yang tersedia ada merupakan faktor-faktor yang sangat penting dalam proses memilih pasangan hidup. Perkara ini adalah benar bagi semua perkahwinan tetapi ia mungkin ditekankan dalam perkahwinan campur. Misalnya seorang pelajar Cina mungkin tidak akan kahwin dengan seorang gadis Perancis jika dia tidak belajar di negara Perancis.

Motif ketiga yang boleh membawa kepada berlakunya perkahwinan campur ialah keinginan untuk menjadi 'lain' (different). Tingkah laku seseorang adalah satu refleksi personaliti dan psikologi. Ada individu yang lebih 'adventuresome' dari yang lain dan sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru dan lain. Misalnya mereka ingin cuba makanan baru atau berjumpa dengan orang lain. Berdasarkan kepada penerangan ini, maka terdapat orang yang lebih suka berkahwin dengan seorang yang mempunyai latarbelakang kebudayaan yang berlainan dengan mereka.

Berbagai-bagai motif perkahwinan wujud, sama ada berkahwin kerana cinta atau sebab-sebab praktikal yang merupakan motif keempat. Misalnya inginkan perlindungan ataupun kebendaan. Ada pula yang berkahwin untuk memperbaiki status sosial mereka.

Motif seterusnya adalah masalah-masalah yang berkaitan dengan 'oedipus complex'. Ramai ahli-ahli psikiatrik khususnya psikoanalisis percaya bahawa fenomena perkahwinan campuran adalah secara kuatnya berkaitan dengan fenomena 'oedipus complex'. Mengikut teori perkembangan psikoanalitik bayi, kanak-kanak yang berumur 3-5 tahun itu mula mempunyai perasaan (tarikan) positif yang kuat terhadap ibubapa dari jantina yang bertentangan dengannya. Bersamaan dengan itu, terdapat juga perasaan negatif yang kuat terhadap ibubapa dari jantina sama yang dipandang sebagai pesaing. Jadi wujudlah apa yang disebut sebagai 'konflik tiga segi'. Biasanya kanak-kanak akan mengatasi konflik ini dengan mengenalpasti ibubapa dari jantina yang sama dengannya. Jika seseorang kanak-kanak itu tidak dapat mengatasi konflik 'oedipal'nya dengan baik, maka ini akan mempengaruhi pilihannya terhadap pasangan hidupnya nanti. Mengikut psikoanalisis, Karl Abraham, satu cara untuk mengatasi konflik ini adalah dengan memilih pasangan yang 'istimewa' bagi perkahwinan. Jadi seseorang itu akan lebih meminati seseorang yang berlainan dari ibubapa yang berlainan jantina dengannya. Seseorang individu mungkin mempunyai perasaan negatif terhadap ibubapa dari jantina yang bertentangan dengannya, menyebabkan ia memilih pasangan hidup yang berbeza sekali dari ibubapanya.

Pesanan dari ibubapa merupakan motif keenam perkahwinan campur berlaku. Sekiranya seorang isteri tidak puas hati

14 Ibid, hal. 36.

dengan suaminya, maka secara sedar atau tidak sedar ia akan menggalakkan anak-anaknya untuk berkahwin dengan seorang yang berlainan dengan suaminya. Selain daripada itu, disebabkan oleh tekanan dari ibubapa untuk berkahwin dengan individu dari kumpulan etnik yang sama akan berlakunya 'rebellion' di mana individu tersebut akan memilih pasangan hidup luar dari kumpulan etniknya.

Motif selanjutnya, sama ada ia benar atau tidak, orang ramai mempunyai kepercayaannya sendiri pada budaya mereka dan budaya orang lain. Berasaskan kepada kepercayaan ini, satu perkahwinan campur boleh berlaku. Ada yang berkahwin dengan individu dari budaya lain kerana individu itu mempunyai 'valued attribute' yang budayanya sendiri tidak ada.

Motivasi-motivasi perkahwinan campur sama ada positif atau negatif bergantung kepada pandangan seseorang itu terhadap perkahwinan campur.

Jadual 3.11

Peratusan Perkahwinan Campur di Selangor (1980-1989)

Perkahwinan Di Antara Kumpulan Etnik	Tahun									
	1980 (%)	1981 (%)	1982 (%)	1983 (%)	1984 (%)	1985 (%)	1986 (%)	1987 (%)	1988 (%)	1989 (%)
Melayu dan India	0.6	0.3	0	0.2	0.6	0	1.4	1.4	0	0
Cina dan India	1.1	0	0.3	0.4	0	1.0	0.1	0.1	0	0

Sumber: Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Petaling Jaya.

Jadual 3.11 menunjukkan peratusan perkahwinan campur di antara kumpulan etnik Melayu dan India dan di antara kumpulan etnik Cina dan India, dari tahun 1980 sehingga tahun 1989 mengikut peratusan perkahwinan yang didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Petaling Jaya. Daripada jadual tersebut, pengkaji mendapati bahawa tidak ada sebarang pola tertentu dalam perkahwinan campur di antara kumpulan-kumpulan etnik tersebut. Peratusan perkahwinan campur yang dicatatkan tidak menunjukkan satu kenaikan ataupun penurunan yang ketara dari setahun ke setahun. Daripada jadual, data yang baru diperolehi ialah pada tahun 1989 di mana 0.8% daripada jumlah perkahwinan yang didaftarkan, berlaku di antara kumpulan etnik Melayu dan India. Sementara itu 0.4% daripada jumlah perkahwinan pada tahun tersebut adalah di antara kumpulan etnik Cina dan India.

Dalam kajian ini, kedua-dua kumpulan responden telah ditanyakan soalan mengenai pandangan mereka berkahwin dengan pasangan dari kumpulan etnik dan agama yang lain. Tujuan utama soalan tersebut dikemukakan ialah untuk melihat sama ada para responden darah kacukan lebih menerima etnik lain sebagai pasangan hidup jika dibandingkan dengan responden bukan darah kacukan.

Jadual 3.12

Pemilihan Pasangan Hidup Responden Darah Kacukan Dan Bukan Darah Kacukan

Responden-Responden	Kerelaan Responden Berkahwin Dengan:							
	Kumpulan Etnik Berbeza				Agama Berbeza			
	Ya	Tidak	Mungkin	Jumlah	Ya	Tidak	Mungkin	Jumlah
Darah Kacukan	64%	8%	28%	100%	24%	36%	40%	100%
Bukan Darah Kacukan	60	20	20	100	40	47	13	100

Jadual 3.12 menerangkan pemilihan pasangan hidup oleh responden-responden darah kacukan dan bukan darah kacukan. Responden-responden ditanyakan soalan berikut:

"Adakah anda rela berkahwin dengan kumpulan etnik yang berlainan?"

Daripada jawapan-jawapan yang diperolehi dari responden-responden darah kacukan, 64% daripada mereka rela berkahwin dengan kumpulan etnik yang lain, 8% tidak rela dan 28% lagi mungkin memilih pasangan hidup dari kumpulan etnik yang berbeza.

Bagi responden-responden bukan darah kacukan pula seramai 60% mempunyai kerelaan berkahwin dengan kumpulan etnik berlainan, 20% tidak dan 20% memberi jawapan 'mungkin'.

Daripada jawapan-jawapan yang diberi oleh kedua-dua kumpulan responden, tidak terdapat banyak perbezaan di antara

mereka tetapi jika jawapan-jawapan 'Ya' dan 'Mungkin' digabungkan untuk soalan tadi, satu perbezaan dapat dilihat dalam respons sampel-sampel.

Misalnya, untuk responden-responden darah kacukan, 92% daripada mereka mempunyai kemungkinan untuk berkahwin dengan kumpulan etnik berlainan dan 8% tidak. Bagi responden-responden bukan darah kacukan, 80% mungkin memilih pasangan hidup dari kumpulan etnik berlainan dan 20% tidak.

Jika kita membandingkan kedua-dua kumpulan responden, maka kita akan mendapati peratusan responden darah kacukan yang mempunyai kemungkinan besar berkahwin dengan orang dari kumpulan etnik yang berbeza adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan responden-responden bukan darah kacukan.

Responden-responden juga ditanya mengenai pandangan mereka terhadap memilih pasangan hidup yang berlainan agama (sila lihat Jadual 3.12). Untuk tujuan memudahkan penganalisaan data, jawapan-jawapan 'Ya' dan 'Mungkin' digabungkan agar satu perbezaan yang ketara diperolehi.

Daripada jawapan-jawapan yang diberi, 64% daripada responden darah kacukan memilih pasangan hidup yang berlainan agama dengannya berbanding dengan 53% daripada responden bukan darah kacukan. Sementara itu 36% responden darah kacukan tidak akan memilih pasangan dari agama lain jika dibandingkan dengan 47% responden bukan darah kacukan.

Daripada perbandingan di antara kedua-dua kumpulan responden, pengkaji membuat rumusan bahawa responden-responden darah kacukan lebih menerima agama lain berbanding dengan responden-responden bukan darah kacukan.

Apabila pengkaji menyoal responden-responden darah kacukan tentang pilihan pasangan hidup mereka dari satu-satu kumpulan etnik tertentu, di antara jawapan-jawapan yang diperolehi, satu daripadanya ialah

"Saya tidak merasa sebarang keganjilan memilih teman hidup dari kumpulan etnik yang lain kerana saya sendiri terdiri dari dua jenis kumpulan etnik berlainan."

(Responden darah kacukan Cina-India)

Untuk responden-responden lain yang memberi jawapan yang lebih kurang sama, pengkaji berjaya mengaitkan pilihan mereka ini dengan motif perkahwinan campur yang dikemukakan oleh Walter F. Char. Di antara motivasi yang mempengaruhi pilihan responden-responden adalah berdasarkan kepada motif cinta dan keagamanan mereka terhadap budaya orang lain.

Apa yang dapat disimpulkan ialah perkahwinan campur berlaku terutamanya kerana motif cinta dan ada juga berlaku kerana kombinasi di antara motif tersebut dengan kepercayaan mereka terhadap budaya lain.

3.4 Teori Amalgamasi

Dalam bab satu, pengkaji telah menjelaskan dengan sepantas lalu tentang teori amalgamasi. Di sini pengkaji akan membincangkan teori tersebut dengan lebih mendalam lagi.

Amalgamasi hanya boleh berlaku jika kumpulan dominan dan minoriti sesuatu masyarakat 'lengkap-melengkap' di antara satu sama lain. Ini bererti kumpulan dominan harus melepaskan kuasa dan keistimewaananya dengan suka hati sementara kumpulan minoriti harus menerimaanya. Walaupun amalgamasi ini nampaknya agak mustahil tetapi pada hakikatnya ia wujud dalam beberapa masyarakat.

Satu contoh amalgamasi ialah kemunculan Mestizo di Mexico. Akibat dari penaklukan Mexico oleh Sepanyol, perkahwinan campur di antara orang-orang Sepanyol dan penduduk asli berlaku dan melahirkan satu golongan masyarakat baru yang dinamakan Mestizo. Perkahwinan campur juga berlaku di antara golongan asli dengan orang-orang Negro. Akibat daripada ini, 85% dari penduduk Mexico terdiri daripada keturunan campur. Perbezaan status yang wujud sebelum ini antara berbagai kumpulan etnik hilang begitu sahaja.¹⁵

Daripada contoh di atas, bolehlah dikatakan bahawa ada beberapa syarat tertentu yang memungkinkan amalgamasi. Pertama, amalgamasi memakan masa yang panjang dan ia tidak melibatkan banyak kumpulan pada satu-satu ketika tertentu. Kedua, nisbah jantina yang tidak seimbang di dalam satu kumpulan menambah kemungkinan perkahwinan campur dan amalgamasi. Faktor atau syarat ketiga ialah keadaan terpencil sesebuah kawasan dari kumpulan-kumpulan luar mungkin menyebabkan kumpulan-kumpulan sesuatu masyarakat itu

15 Ting Chew Peh, Op.Cit., hal. 180.

bergantung antara satu sama lain dari segi sosial dan ekonomi. Dalam jangka masa yang panjang, keadaan tersebut membawa kepada berlakunya amalgamasi. Syarat keempat dan terakhir yang memudahkan proses amalgamasi ialah penjajahan Eropah. Biasanya perkahwinan akan berlaku di antara mereka dengan orang-orang tempatan dan menghasilkan keturunan campuran.¹⁶

Walaupun perkahwinan campur menjadi satu petunjuk amalgamasi ras, amalgamasi budaya antara dua kumpulan etnik atau agama yang berlainan tidak semestinya berlaku. Biasanya kumpulan-kumpulan masyarakat yang terlibat dalam perkahwinan campur itu akan memilih salah satu daripada dua kumpulan asal. Misalnya jika seorang dari kumpulan etnik Cina berkahwin dengan seorang dari kumpulan etnik Melayu tidak melahirkan amalgamasi agama. Ini disebabkan orang Cina yang berkahwin dengan orang Melayu mesti memeluk agama Islam.¹⁷

Daripada analisis pengkaji ke atas pemilihan responden-responden terhadap pasangan hidup, 53% para responden darah kacukan akan memilih pasangan hidup yang berlainan etnik dengannya. Ini menunjukkan lebih kurang separuh daripada responden mempunyai sifat yang optimistik dan terbuka dalam menerima orang yang berlainan etnik dengannya. Ini membuktikan proses amalgamasi mungkin dapat berlaku tetapi mengambil masa yang panjang. Seterusnya ia boleh membantu dalam mencapai perpaduan negara.

16 Ibid.

17 Ibid, hal. 181.

BAB 4

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menggunakan indeks kebudayaan sebagai mengukur nilai hidup anak-anak darah kacukan dan bukan darah kacukan. Responden-responden dipersoalkan tentang pandangan mereka terhadap kebudayaan kaum Melayu, Cina dan India yang merangkumi persoalan-persoalan tentang perayaan, adat, pakaian tradisional, makanan dan muzik.

4.2 Kebudayaan

Kebudayaan sebagai suatu konsep ilmiah mempunyai makna yang luas yang merangkumi keseluruhan cara hidup manusia yang meliputi aktiviti ekonomi, pendidikan, politik dan sosial. Kebudayaan juga mencerminkan dua fenomena utama iaitu aspek kebendaan seperti peralatan dan aspek mental seperti sikap, nilai dan norma hidup manusia.

Memandangkan pengertian kebudayaan itu amat luas, maka sewajarlah kebudayaan mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan manusia, terutama untuk menghasilkan kerjasama, kesefahaman dan perpaduan di kalangan ahli masyarakat. Malaysia sebuah negara berbilang bangsa, kebudayaan, agama dan bahasa. Keadaan tersebut menjadi negara ini amat menarik daripada segi pencapaian perpaduan di kalangan penduduk yang berbilangan bangsa. Unsur-unsur kebudayaan berbilang bangsa ini dapat dijadikan asas untuk pembinaan kebudayaan kebangsaan dan juga dapat dijadikan tuntutan kepada keperibadian dan

penyatuan negara Malaysia.

Kebudayaan yang merangkumi keseluruhan kelakuan hidup manusia dalam berbagai-bagai aktiviti kehidupan seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan politik mempunyai peranan penting untuk melahirkan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu dan bermartabat tinggi.

Ada orang yang berpendapat bahawa golongan etnik mereka mempunyai kesemua kebaikan sedangkan terdapat banyak kelemahan dalam golongan-golongan etnik yang lain. Mereka yang beranggapan sedemikian, besar kemungkinannya akan mendakwa bahawa kebudayaannya lebih unggul. Dengan itu, jelaslah bahawa isu kebudayaan kebangsaan tidak patut diberi sifat perkauman. Hak dan peluang untuk mengembangkan, memelihara dan menikmati tradisi dan kebudayaan kaum seseorang adalah suatu hak asasi manusia yang dasar dan kebebasan asas yang diiktirafkan oleh negara kita.

Maka dengan itu, pengkaji telah menyоal para responden darah kacukan dan bukan darah kacukan untuk melihat sama ada sifat etnosentrisme wujud di kalangan mereka, dan jika ya, setakat mana ia berbeza di antara dua kumpulan tersebut.

Sebelum meneruskan analisa kajian ini, pengkaji merasa adalah lebih baik jika dibincangkan secara sepintas lalu persoalan-persoalan yang berhubungan dengan borang soal selidik.

Di sini, pengkaji akan memberi penjelasan kepada soal-soal yang berkaitan dengan adat, perayaan dan pakaian tradisional.

4.3 Adat dan Perayaan

4.3.1 Bang

Umat-umat Islam dikehendaki sembahyang 5 kali sehari dan waktu-waktunya adalah seperti berikut:

- (a) Subuh (5.00 – 6.30 a.m.)
- (b) Zohor (1.00 – 2.30 p.m.)
- (c) Asar (4.00 – 6.00 p.m.)
- (d) Mahgrib (6.30 – 7.30 p.m.)
- (e) Isyak (8.00 – 12.00 a.m.)

Azan atau bang akan kedengaran di masjid-masjid pada setiap kali permulaan waktu sembahyang. Tujuannya ialah untuk mengingati umat Islam akan waktu sembahyang serta menunaikannya.

4.3.2 Tarian Singa

Ketika menyambut tahun baru Cina dan lain-lain perayaan yang bermakna, tarian singa menjadi satu acara kebudayaan yang sangat terkenal di kalangan masyarakat Cina. Menurut kepercayaan, tarian singa samalah dengan tarian naga. Kaum Cina percaya bahawa 'singa' tidak sahaja mengusir roh-roh jahat tetapi ia juga membawa tuah dan kebahagian. Mereka juga menganggap 'singa'

bukanlah satu haiwan yang ganas dan membinasakan, sebaliknya ia melambangkan keamanan, keharmonian, kekuatan dan keadilan.

Oleh itu, tarian singa selalunya dipersembahkan apabila menyambut sesuatu peristiwa yang bermakna seperti tahun baru Cina, pembukaan bangunan perniagaan yang baru ataupun untuk menyambut tetamu-tetamu terhormat dalam satu-satu majlis. Dengan demikian tarian ini telah menjadi sebahagian dari kesenian dan kebudayaan masyarakat Cina di Malaysia.

Di Malaysia, adalah satu kebiasaan bagi 'singa' untuk melawat kedai-kedai dan rumah-rumah persendirian semasa tahun baru Cina. Sebagai balasan kepada tuah yang dibawa oleh 'singa', tuanpunya kedai dan rumah-rumah tersebut akan memberi 'angpow' kepadanya. Dalam kebanyakan kes, 'angpow' yang dikutip diagihkan semula untuk tujuan-tujuan kedermaan dan kebajikan.

4.3.3 Thaipusam

Thaipusam adalah antara perayaan keagamaan yang disambut secara besar-besaran oleh penganut agama Hindu di negara kita. Ada 3 tempat yang sangat terkenal di kalangan penganut Hindu bagi menyambut perayaan Thaipusam iaitu di Batu Caves, Selangor; kuil Jalan Waterfall, Pulau Pinang dan di Sungai Petani, Kedah.

Beribu-ribu penganut akan ke kuil-kuil tersebut untuk meyembah Tuhan Subramaniam. Mereka membawa bersama susu lembu, madu dan buah-buahan. Semasa perarakan setengah-setengah penganut akan mengangkat kavadi yang dibuat daripada kayu dan mempunyai berbagai-bagai bentuk. Tujuan mereka yang mengangkat kavadi ialah untuk memenuhi nazar dan juga meminta ampun dan kurnia dari Tuhan Subramaniam supaya mereka dibersihkan dari segala dosa keduniaaan.

4.4 Sikap dan Pandangan Responden-responden Terhadap Kebudayaan

Untuk mengetahui sikap serta pandangan para responden terhadap pelbagai kebudayaan yang wujud di negara ini, maka mereka dipersoalkan mengenali perkara tersebut.

Di antara soalan yang mengkehendaki pandangan responden-responden adalah seperti berikut:

"Apakah pandangan anda terhadap yang berikut?

(a) Bang

(b) Tarian Singa

(c) Thaipusam"

Apabila pengkaji menganalisa jawapan bagi soalan (a) di atas, maka di antara jawapan yang diterima oleh pengkaji bagi responden-responden darah kacukan ialah:

"Ia tidak membawa apa-apa makna yang tertentu kepada diri saya."

(Responden darah kacukan India-Cina)

"Saya telah menerima sebagai sebahagian hidup seorang rakyat Malaysia, tetapi ada masanya ia terlalu kuat bunyinya hingga mengganggu kehidupan orang lain."

(Responden darah kacukan Cina-Serani)

"Biasa sahaja. Itu menandakan waktu sembahyang untuk kaum Islam. Saya hormat pada semua kepercayaan bangsa di negara ini."

(Responden darah kacukan India-Serani)

"Saya tidak membantahnya kerana ianya tidak ada kena mengena dengan saya."

(Responden darah kacukan Cina-Serani)

Hampir kesemua responden memberi jawapan yang lebih kurang sama erti seperti contoh-contoh jawapan tadi. Pengkaji mendapati mereka ini menerima 'bang' sebagai satu kejadian biasa setiap hari walaupun mereka bukan penganut agama Islam. Walaupun begitu, hanya sebilangan kecil daripada responden-responden darah kacukan sahaja yang merungut tentang 'bang' dan tidak dapat menerima hakikat mengapa orang-orang Islam harus diingatkan mengerjakan sembahyang.

Bagi responden-responden bukan darah kacukan, mereka memberi jawapan-jawapan yang berbunyi:

"Mengacau semasa tidur tetapi adalah suatu undang yang wajib kepada agama Islam yang mesti dilaksanakan."

(Responden kaum India)

"Suatu cara bagi menandakan waktu sembahyang bagi kaum yang beragama Islam, oleh itu tidak ada 'significance' bagi yang tidak beragama Islam."

(Responden kaum Cina)

"Saya rasa manusia tidak perlu diseru untuk sembahyang kerana jika ingin sembahyang hendaklah dikerjakan dengan ikhlas."

(Responden kaum India)

"Kadang-kadang terlalu bising terutama sekali ketika waktu tidur."

(Responden kaum Cina)

Dalam menganalisa jawapan-jawapan para responden, pengkaji sengaja mengambil jawapan para responden yang tidak menganut agama Islam bagi melihat pandangan mereka terhadap bang. Tujuan pengkaji berbuat demikian ialah untuk melihat pandangan mereka terhadap kebudayaan lain.

Dengan merujuk kepada contoh-contoh jawapan para responden bukan darah kacukan, bolehlah dikatakan sebilangan besar mereka mempunyai sikap yang negatif terhadap suara azan atau bang. Hanya segelintir sahaja yang menerima dengan fikiran terbuka seperti kata seorang responden berketurunan India,

"Kalau ia penting untuk orang-orang Islam, tiada salah dilakukannya."

Seterusnya, pengkaji ingin meneliti pandangan responden terhadap tarian singa. Untuk tujuan yang sama apabila menganalisa pandangan responden terhadap bang, pengkaji menumpu perhatian kepada jawapan-jawapan responden-responden

(bukan darah kacukan) yang tidak menyambut sesuatu perayaan atau mengamalkan sesuatu adat itu. Di antara pandangan responden-responden darah kacukan ialah:

"Suatu tarian yang menarik dan unik dan kemahiran yang dipertunjukkan oleh para penari adalah amat mengagumi."

(Responden darah kacukan India-Cina)

"Ia adalah sangat mengagumkan dan menarik."

(Responden darah kacukan Melayu-India)

"Seronok dan luarbiasa. Ia adalah satu-satu tarian yang tradisional."

(Responden darah kacukan India-Serani)

Kesemua responden darah kacukan menyatakan kekaguman mereka terhadap tarian singa. Tidak ada seorang pun dari responden dalam kumpulan ini yang mempunyai pandangan yang negatif terhadap tarian singa. Walau bagaimanapun ada juga di antara responden yang berpendapat tarian singa ini kadang-kala terlalu bising dan mengganggu ketenteraman tetapi mereka masih dapat menerima kerana tarian tersebut tidaklah dilakukan setiap hari. Tarian tersebut hanya dipersembahkan pada hari-hari kebesaran dan oleh itu ia adalah sesuatu yang unik.

Bagi responden-responden bukan darah kacukan, di antara pandangan-pandangan yang diterima oleh pengkaji terhadap tarian singa adalah seperti berikut:

"Tarian ini menarik untuk dipandang."

(Responden India)

"Sesuatu yang seronok disaksikan dan merupakan satu tarikan kepada para pelancong."

(Responden Melayu)

"Tidak suka, terlalu bising."

(Responden India)

Responden-responden bukan darah kacukan kebanyakannya mempunyai pandangan dan sikap yang positif terhadap tarian singa. Mereka, seperti juga responden-responden darah kacukan, amat tertarik kepada tarian tersebut malahan ada di kalangan mereka ingin mencuba tarian itu jika diberi peluang. Hanya seorang dua sahaja di antara mereka yang menunjukkan sikap negatif terhadap tarian itu dengan mengatakan bahawa ia terlalu bising dan mengganggu ketenteraman awam.

Seterusnya responden-responden kedua-dua kumpulan diminta memberi pandangan mereka terhadap perayaan Thaipusam. Jawapan-jawapan responden bukan darah kacukan yang bukan beragama Hindu sahaja diteliti untuk melihat sama ada mereka menunjukkan sifat etnosentrisme. Bagi responden-responden darah kacukan, pengkaji memperolehi jawapan-jawapan berikut:

"Suatu perayaan yang melambangkan kesucian kerana seseorang yang akan mengambil kavadi perlu bersembahyang dan membersih serta menjauhkan diri dari segala kejahatan."

(Responden darah kacukan India-Cina)

"Sambutan tahunan masyarakat India dalam menyampaikan upacara sembahyang dan niat mereka. Ianya harus dikekalkan."

(Responden darah kacukan Melayu-Cina)

"Sungguh mengerikan."

(Responden darah kacukan India-Cina)

Daripada beberapa petikan jawapan-jawapan yang dianalisa oleh pengkaji, boleh dikatakan kesemua responden darah kacukan mendapati perayaan Thaipusam sungguh menakjubkan terutama sekali apabila penganut-penganut mengangkat kavadi dengan menyusuk batang besi ke dalam tubuh badan mereka.

Seterusnya di bawah ini, pengkaji mengambil petikan-petikan sebahagian daripada jawapan-jawapan responden bukan darah kacukan.

"Ia adalah suatu perayaan yang kaya dengan kebudayaan masyarakat India. Ia amat menarik dari segi cara-cara perayaan itu diadakan seperti adanya kavadi dan perarakan."

(Responden Cina)

"Budaya kaum India. Adalah sesuatu yang merujuk kepada agama dan patut dihormati."

(Responden Melayu)

"Satu perayaan yang unik."

(Responden Cina)

Responden-responden bukan darah kacukan menerima perayaan Thaipusam sebagai sebahagian daripada hidup dengan masyarakat yang berbilang kaum. Responden-responden lain pula tidak mempunyai apa-apa pandangan terhadap perayaan ini.

Secara keseluruhannya, pada pendapat pengkaji, kedua-dua kumpulan responden menerima kebudayaan kumpulan-kumpulan etnik

lain. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil yang menunjukkan sifat etnosentrisme dan pengkaji mendapati responden bukan darah kacukan lebih cenderung kepada sifat tersebut berbanding dengan responden-responden darah kacukan. Misalnya, seorang responden darah kacukan India-Cina yang beragama Hindu memberi pandangan-pandangan berikut terhadap adat dan perayaan rakyat Malaysia:

"Mengganggukan terutama sekali pada waktu pagi ketika saya tidur." (Mengenai bang)

"Terlalu bising." (Mengenai tarian singa)

"Satu perayaan yang unik." (Mengenai Thaipusam)

4.5 Pakaian

Meneruskan lagi dengan penganalisaan data, pengkaji akan menumpu perhatian kepada pandangan responden-responden terhadap pakaian-pakaian tradisional kaum Melayu, Cina dan India pula.

Seperti biasa, pengkaji akan memulakan penganalisaan dengan memetik beberapa jawapan yang diberi oleh responden-responden darah kacukan terlebih dahulu. Soalan mengenai pakaian tradisional adalah berbunyi:

"Mungkinkah anda memakai pakaian tradisional kumpulan etnik yang berikut? Mengapa?

- (a) Melayu
- (b) Cina
- (c) India"

Seramai 72% dari jumlah 25 orang responden darah kacukan menunjukkan minat untuk mencuba pakaian tradisional ketigatiga kaum di atas. Sementara itu baki yang 28% lagi tidak akan memakai pakaian-pakaian tersebut.

Di antara jawapan-jawapan yang diberi oleh golongan 72% itu ialah:

"Kenapa tidak? Tidak ada salahnya jika memakai pakaian tradisional apa-apa bangsa."

(Responden darah kacukan Cina-Serani)

"Oleh kerana saya seorang darah kacukan, saya menganggap diri saya sebagai rakyat Malaysia (yang mempunyai pelbagai seni dan budaya), dan oleh itu saya gemar memakai lain-lain pakaian tradisi."

(Responden darah kacukan India-Cina)

"Sesuai dipakai untuk ke majlis-majlis formal.
Misalnya memakai baju kurung ke majlis perkahwinan."

(Responden darah kacukan India-Cina)

Alasan-alasan yang diberi oleh golongan 28% yang tidak akan memakai pakaian tradisional ialah:

"Tidak suka."

(Responden Serani-India)

"Fesyen lama dan ia bukan pakaian tradisi saya."

(Responden Serani-Cina)

Seterusnya pula pengkaji menganalisis pandangan responden-responden bukan darah kacukan pula. 80% daripada jumlah responden menyatakan hasrat mereka untuk mencuba pakaian tradisional kaum Melayu, Cina dan India. Hanya 20%

sahaja yang menunjukkan sikap negatif terhadap pakaian-pakaian tersebut. Di antara respons-respons yang diterima daripada mereka dari kaum bukan Melayu terhadap pakaian tradisi Melayu ialah:

"Menarik, halus dan dapat mewujudkan integrasi serta harmoni antara kaum yang berbeza."

(Responden kaum Cina)

"Pakaian menarik dengan fesyennya yang unik."

(Responden kaum India)

Pendapat-pendapat kaum Melayu dan India terhadap pakaian tradisional kaum Cina ialah:

"Apa salahnya memakai pakaian tradisi itu?"

(Responden kaum Melayu)

"Sesuai untuk dipakai di majlis-majlis tertentu."

(Responden kaum India)

Akhir sekali kita akan meninjau pandangan-pandangan kaum Melayu dan Cina terhadap pakaian tradisional orang India.

"Kalau fesyennya cantik dan sesuai untuk diri saya, sudah tertentu saya akan memakainya untuk sesuatu majlis yang sesuai."

(Responden Cina)

"Mengapa tidak? Hanya pakaian."

(Responden Melayu)

20% responden yang lain pula mengatakan bahawa mereka tidak gemari pakaian-pakaian tradisional yang tersebut dan menyatakan bahawa ianya tidak sesuai pada diri mereka.

Jadi, jika dibandingkan pandangan-pandangan responden-responden darah kacukan dan bukan darah kacukan, sebilangan besar dari mereka menerima pakaian-pakaian tradisional kaum lain dan menganggapnya suatu kebudayaan yang kaya dan harus dibanggakan. Bilangan yang tidak gemari pakaian-pakaian itu sangat kecil. Oleh itu, tidak ada perbezaan yang ketara dalam pandangan kedua-dua kumpulan responden kajian. Secara kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa tidak banyak wujudnya sifat etnosentrisme terhadap pakaian oleh para responden darah kacukan dan bukan darah kacukan.

Pengkaji juga menyoal para responden tentang jenis masakan, muzik dan tayangan gambar kegemaran mereka.

Dalam ketiga-tiga soal ini, responden-responden bukan darah kacukan menunjukkan kecenderungan kepada jenis masakan, muzik dan tayangan gambar budaya mereka. Misalannya responden India lebih gemari masakan India berbanding dengan masakan-masakan kaum Melayu dan Cina. Begitu juga dengan kaum Melayu dan Cina. Namun begitu kecenderungan mereka terhadap budaya tersendiri bukanlah sesuatu yang dianggap luar biasa. Memanglah sewajarnya sesuatu kaum itu hanya menggemari muzik dan tayangan gambar yang berkaitan dengan budayanya. Jika mereka menunjukkan kecenderungan ini adalah kerana faktor bahasa merupakan satu faktor penghalang daripada menimbulkan

rasa minat mereka terhadap muzik dan tayangan gambar yang lain dari budaya mereka.

Bagi responden-responden darah kacukan pula, mereka lebih senang menerima masakan kaum-kaum lain di Malaysia. Mereka juga meminati muzik dan tayangan gambar serta tidak cenderung kepada satu-satu kaum sahaja. Alasan-alasan yang dapat diberi oleh pengkaji ialah ramai di antara mereka ini fasih dalam lebih dari dua bahasa selain bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Oleh itu, pemahaman mereka terhadap sesuatu bahasa misalnya bahasa Tamil, menimbulkan minat mereka terhadap lagu ataupun tayangan gambar Tamil.

Mengikut responden-responden, ibu mereka tahu memasak masakan kaumnya sendiri dan juga sedikit-sebanyak masakan kaum suami. Dengan itu, para responden mempunyai selera masakan yang lebih luas jika dibandingkan dengan responden-responden bukan darah kacukan.

Jika ditinjau secara sepintas lalu analisa-analisa yang telah dibuat oleh pengkaji, maka kesimpulan yang dapat dibuat ialah pandangan-pandangan kedua-dua kumpulan responden terhadap perkara-perkara seperti perayaan dan pakaian, ada yang menunjukkan persamaan dan ada pula pandangan yang berbeza.

BAB 5

PENUTUP

Bagi kajian ini merupakan satu usaha untuk melihat nilai dan gaya hidup anak-anak darah kacukan. Perkahwinan campur sebagaimana yang telah didefinisikan dalam bab awal kajian ini merujuk kepada perkahwinan di antara seorang lelaki dan wanita yang berlainan etnik. Memandangkan negara kita terdiri daripada masyarakat berbilang kaum telah mendorong kepada berlakunya perkahwinan di antara kaum.

Dalam kajian ini, pengkaji telah meninjau pandangan dan nilai anak-anak darah kacukan terhadap budaya masyarakat Melayu, Cina dan India dan membandingkannya dengan orang-orang bukan darah kacukan. Bagi tujuan tersebut pengkaji menggunakan indeks pendidikan dan budaya sebagai satu pengukuran.

Persoalan pertama menyentuh bahasa pengantar pendidikan formal responden-responden. Tujuan pengkaji berbuat demikian ialah untuk menguji sama ada andaian pengkaji bahawa responden-responden yang berpendidikan dalam bahasa pengantar Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris tidak begitu memilih rakan pergaulan berbanding dengan mereka yang mempunyai latarbelakang pendidikan sekolah aliran Cina atau Tamil.

Dari kajian, didapati bahawa jenis bahasa pengantar, tidak mempunyai pengaruh atau kesan yang besar terhadap pemilihan rakan pergaulan responden-responden darah kacukan dan bukan darah kacukan. Namun begitu, responden bukan darah

kacukan didapati lebih cenderung memilih kawan-kawan yang sekumpulan etnik dengannya. Jenis bahasa pengantar di sekolah tidak memperlihatkan kesan yang jelas tentang sikap responden. Bagi para responden bukan darah kacukan yang pernah mendapat pendidikan Bahasa Malaysia, mereka tetap lebih cenderung bergaul dengan orang-orang yang sama etnik dengannya. Para responden mengatakan bahawa mereka lebih senang berinteraksi dengan kumpulan etnik sendiri kerana dapat menggunakan bahasa ibunda mereka. Mereka lebih senang bergaul dan memberi alasan kurang kefasihan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai satu sebab yang menghadkan pergaulan mereka dengan kumpulan etnik lain.

Satu lagi faktor untuk mengukur nilai dan gaya hidup responden-responden ialah pemilihan pasangan hidup mereka. Dalam hal ini, para responden diminta pilihan mereka terhadap pasangan perkahwinan. Mereka diuji dari segi pilihan terhadap pasangan dari kumpulan etnik berlainan dan juga agama berlainan. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan responden (kumpulan darah kacukan dan bukan darah kacukan) lebih senang menerima orang yang berlainan etnik dengan mereka. Dengan erti kata lain, mereka lebih rela berkahwin dengan kumpulan etnik yang lain tetapi apabila mereka dipersoalkan tentang pilihan mereka terhadap pasangan yang berlainan agama, peratusan yang rela berbuat demikian jatuh untuk kedua-dua kumpulan responden.

Di Malaysia, perkahwinan campur berlaku tetapi pada tahap yang sangat rendah. Mengikut Pejabat Pendaftaran

Perkahwinan, Petaling Jaya, perkahwinan di antara kumpulan etnik Melayu dan India serta di antara Cina dan India mencatat 0% daripada jumlah perkahwinan yang didaftarkan pada tahun 1988 (Rujuk Jadual 3.11).

Peratusan perkahwinan campur tertinggi yang tercatat oleh pejabat berkenaan di antara tahun-tahun 1980-1989 ialah 1.4% dalam tahun 1986 dan 1987 iaitu perkahwinan di antara kumpulan etnik Melayu dan India.

Salah satu faktor yang mendorong kepada berlakunya perkahwinan campur ialah ketidakseimbangan nisbah jantina komuniti imigran awal di Malaysia (lihat jadual 5.1). Pada dekad-dekad permulaan abad ke 20, terdapat hanya 2 hingga 4 wanita kepada setiap 10 lelaki dalam populasi Cina dan India.

18 Hirschman, C., Ethnic and Social Stratification In Peninsular Malaysia, American Sociological Association, 1975, hal. 11.

Jadual 5.1

Nisbah Jantina Populasi Cina dan India:
Semenanjung Malaysia, 1911, 1921, 1931, 1947, 1957, 1967

Bilangan Wanita Bagi Setiap 1000 Orang Lelaki 1911-1967		
Tahun	Cina	India
1911	215	320
1921	371	424
1931	486	514
1947	815	687
1957	926	746
1967	999	896

Sumber: Hirschman, 1975:11

Kebanyakkan imigran tidak mempunyai tujuan untuk menetap di Semenanjung Malaysia dan oleh itu, perkahwinan campur tidak juga berlaku dengan banyak. Tambahan pula, kumpulan-kumpulan etnik ini dipisahkan dari segi geografi. Ramai kaum Cina tinggal dalam komuniti perlombongan tersendiri manakala kaum India tinggal di ladang-ladang getah sementara majoriti kaum Melayu tinggal di kampung-kampung di luar bandar. Pekan dan bandar-bandar merupakan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk terjalinnya hubungan antara etnik tetapi kebanyakannya penduduknya adalah bukan Melayu.

Perkara yang sering kali dikaitkan dengan frekuensi perkahwinan campur yang rendah ialah agama sebagai faktor penghalang. Boleh dikatakan kesemua orang Melayu beragama Islam dan oleh itu Islam memerlukan orang bukan Melayu memeluk agama Islam apabila berkahwin dengan seorang Islam. Dalam komuniti etnik seperti Cina dan India yang mempunyai tradisi dan budaya yang kuat, mereka jarang sekali mengubah agama mereka. Hampir semua kaum Melayu beragama Islam, Cina beragama Buddha, India beragama Hindu. Walaupun begitu terdapat pula orang-orang Cina dan India yang beragama Kristian. Ada juga ramai orang India beragama Islam terutama sekali dalam komuniti Pakistan. Sebenarnya, seseorang bukan Melayu yang memeluk agama Islam biasanya diterima sebagai ahli masyarakat Melayu tetapi mungkin disingkirkan oleh komunitinya sendiri.

Dalam bab pertama, pengkaji pernah menyebut tentang teori amalgamasi sebagai cadangan untuk perpaduan kaum. Teori ini memerlukan percantuman berbagai-bagai kumpulan etnik biasanya melalui perkahwinan campur untuk melahirkan satu kumpulan baru. Dengan erti kata lain, pelbagai kebudayaan ini harus disatukan supaya satu kebudayaan baru dapat dilahirkan.

Pengkaji berpendapat teori ini adalah terlalu ekstrim. Memandangkan negara kita terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan latarbelakang kebudayaan, maka agak sukar untuk menyatupadukan kesemua faktor-faktor tadi menjadi satu. Ugama merupakan suatu halangan yang paling besar

untuk melakukan amalgamasi. Orang-orang bukan Melayu sukar sekali berkahwin dengan orang-orang Melayu kerana pasangan itu dikehendaki 'masuk Islam'.

Masyarakat Malaysia harus diberi kebebasan mengamal dan meneruskan kebudayaan mereka. Kebudayaan adalah cara hidup seseorang yang merangkumi pemikiran, perasaan, penghidupan, kelahiran perasaan dan corak penyembahan sesuatu bangsa.

Setiap kebudayaan mempunyai cara hidup mereka sendiri dan setiap budaya mempunyai pandangan lain terhadap budaya-budaya lain. Di negara kita perbezaan budaya di antara komuniti Melayu dan Cina yang dipandang oleh orang biasa dan ahli sains sosial adalah sama. Salah satu penjelasan terhadap perbezaan budaya adalah seperti berikut:

"Malay values give the highest priority to getting along with others, and Malay social behavior is concerned with ways of showing mutual respect between persons according to a carefully calibrated scale of social status, with highest status given to a traditional heredity ruling group. Chinese values are primarily oriented toward contributing to the success and prestige of the patrilineal family, with effective competition and skill at accumulating wealth receiving the greatest social rewards."

21

(Henderson, 1970:249)

Kenyataan ini menunjukkan tidak ada kemungkinan wujud satu perpaduan kebudayaan yang boleh diamalkan bersama di negara kita. Seperti kata Rev. Dr. K.Sri Dhammananda

20 Chew Hock Thye, Op.Cit., hal. 13.

21 Ibid., hal. 52.

(Persatuan Mubaligh Buddha), adalah mustahil untuk mengamalkan
22
konsep satu bangsa, satu agama dan satu budaya.

Kesemua corak-corak agama dan budaya etnik Malaysia haruslah dibenarkan berkembang secara individu. Yang penting sekali, hak dan peluang untuk mengembang, mengekal dan menikmati tradisi dan kebudayaan etnik seseorang adalah suatu hak asasi manusia dan kebebasan asas yang diiktiraf oleh komuniti dunia dan juga di Perlembagaan Persekutuan kita.

Oleh itu teori amalgamasi, tidaklah sesuai dan tidak berjaya diaplikasikan dalam realiti. Namun begitu, cadangan teori tersebut mengenai perkahwinan campur sebagai satu alat perpaduan harus diberi perhatian. Perkahwinan campur boleh menyumbang kepada perpaduan kaum. Daripada kajian ini, pengkaji mendapati anak-anak hasil daripada perkahwinan campur mempunyai fikiran yang lebih terbuka terhadap budaya orang lain berbanding dengan responden-responden bukan darah kacukan.

Misalnya dari segi adat dan perayaan-perayaan yang disambut di negara kita, responden-responden darah kacukan memberi pandangan yang bersifat positif ketika menjawab soalan-soalan tersebut. Mereka merasa setiap kaum di negara kita harus mengekalkan tradisi dan nilai masing-masing. Menurut mereka, kepelbagai tradisi memperkayakan lagi budaya Malaysia. Mereka juga merasa amat bangga dengan keunikan

22 Kin Long ed., Konsep Kebudayaan Malaysia, K. Das Ink,
Petaling Jaya, 1987, hal. 10.

tradisi dan budaya setiap kaum dan keadaan inilah menjadikan Malaysia sebuah negara yang istimewa. Ada juga di antara mereka yang menyatakan kebanggaan mereka kerana dapat menyambut dua perayaan. Sebagai contoh, responden-responden darah kacukan India-Cina yang beragama Hindu menyambut Deepavali tetapi oleh kerana ibunya berbangsa Cina, responden tersebut menyambut Tahun Baru Cina bersama-sama keluarga sebelah ibu dengan makan malam di rumah datuk-neneknya.

Selain daripada adat dan perayaan, responden-responden juga diuji persepsi mereka berkaitan pakaian-pakaian tradisional kaum-kaum Melayu, Cina dan India.

Bagi responden-responden darah kacukan, hampir kesemua mereka menunjukkan minat dalam pakaian-pakaian tradisional pelbagai kaum di Malaysia. Ramai di antara mereka yang menyatakan hasrat mereka untuk mencuba pakaian-pakaian tersebut. Mereka juga mengatakan pakaian-pakaian sedemikian amat sesuai dipakai ke majlis-majlis formal. Tambahan lagi, kata mereka, setiap satu dari pakaian tradisional seperti baju kurung dan baju Melayu mempunyai potongan yang menarik serta setiap satunay merupakan hasil kreatif yang unik. Namun begitu ada juga di antara mereka yang tidak menggemari langsung pakaian tradisional kerana menurut mereka ia berfesyen lama dan tidak sesuai untuk diri mereka. Namun begitu, bagi mereka yang berpendapat sedemikian adalah dalam bilangan yang kecil sahaja.

Untuk responden-responden bukan darah kacukan pula, mereka diminta memberi pandangan terhadap pakaian-pakaian tradisional juga. Untuk mendapatkan satu analisa yang "significant" pengkaji mengambil jawapan di mana sesuatu kumpulan etnik memberi pandangan mereka terhadap pakaian tradisional kumpulan etnik lain. Daripada analisa pengkaji, para responden sesuatu kumpulan etnik secara keseluruhannya menunjukkan minat terhadap pakaian tradisional etniknya sendiri dan kurang berminat terhadap pakaian tradisional kumpulan etnik lain. Akan tetapi ada juga di antara mereka yang menunjukkan minat dalam memakai pakaian tradisional etnik-etnik lain tetapi bilangan ini sangat kecil sahaja.

Akhir sekali, responden-responden diminta memberi pandangan mereka terhadap jenis makanan, muzik dan tayangan gambar yang mereka minati. Hasilnya menunjukkan responden-responden darah kacukan mempunyai pandangan yang lebih luas dan terbuka dalam erti kata mereka lebih senang menerima masakan kumpulan etnik lain serta muzik dan tayangan gambar dalam pelbagai bahasa.

Menyentuh kepada jenis masakan kegemaran para responden darah kacukan, mereka mempunyai selera yang lebih luas dalam jenis masakan kaum-kaum di Malaysia. Beberapa orang daripada mereka mengatakan ibu mereka tidak hanya masak satu jenis masakan tetapi mengubah-ubahnya mengikut selera. Mengikut seorang responden darah kacukan Cina-Serani, ibunya tidak sahaja memasak jenis masakan Cina atau Serani, tetapi juga satu dua hidangan Melayu dan India.

Bagi responden-responden bukan darah kacukan, ada juga di antara mereka yang turut menggemari masakan kaum lain selain dari masakan kaum sendiri. Mereka ini terdiri dari kumpulan etnik Cina, India dan Serani. Bagi kumpulan etnik Melayu, citarasa mereka terhadap masakan-masakan kaum lain adalah terhad kerana jenis masakan yang mereka makan mestilah ditanggung halal. Ini merupakan sebagai satu penghalang kepada mereka untuk menceburkan diri dalam mencuba masakan-masakan kaum lain.

Soalan-soalan lain yang merangkumi faktor kebudayaan yang ditanyakan kepada para responden ialah sama ada mereka meminati lagu dan tayangan gambar dalam pelbagai bahasa yang disiarkan melalui radio dan television misalnya.

Daripada analisa pengkaji, peratusan kedua-dua kumpulan responden yang meminati lagu-lagu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris adalah lebih kurang sama sahaja. Malahan, mereka menunjukkan minat yang paling banyak terhadap lagu-lagu Inggeris diikuti pula lagu-lagu Bahasa Malaysia. Salah satu sebab yang dapat diberi ke atas populariti lagu-lagu dalam kedua-dua bahasa tersebut ialah pengaruh radio dan television khasnya. Siaran-siaran di television pada masa kini banyak merangkumi program-program hiburan yang termasuk konsert-konsert penyanyi-penyanyi barat terkenal. Program-program sebegini ditujukan terutamanya untuk penonton-penonton generasi muda khususnya golongan remaja dan mereka dalam lingkungan umur 20an. Lagu-lagu 'pop' barat telah menyerap ke

dalam jiwa mereka dan boleh dikatakan menjadi sebahagian dari kehidupan mereka. Hakikat ini pada pendapat pengkaji adalah satu sebab kepada peratusan peminat (para responden) yang tinggi dalam bahasa Inggeris.

Lagu-lagu bahasa Tamil dan Cina pula tidak digemari oleh kesemua responden. Bagi lagu-lagu bahasa Tamil, ia digemari oleh responden-responden kaum India sahaja. Begitu juga dengan lagu bahasa Cina di mana hanya responden-responden Cina sahaja yang menaruh minat terhadapnya. Bagi responden-responden darah kacukan pula, mereka yang meminati lagu-lagu bahasa Tamil dan Cina adalah mereka yang terdiri dari darah kacukan Cina-Tamil atau Cina-Serani. Namun demikian, bukan semua menunjukkan minat mereka terhadap lagu-lagu tersebut kecuali jika mereka memahami dan fasih dalam bahasa Cina atau Tamil. Walaupun begitu, ada juga responden darah kacukan yang tahu berbahasa Cina dan Tamil yang tidak meminati lagu-lagu tersebut. Jelaslah bahawa kegemaran kedua-dua kumpulan responden kepada lagu-lagu dalam pelbagai bahasa adalah bergantung kepada citarasa setiap individu.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah responden-responden darah kacukan dan juga bukan darah kacukan menunjukkan satu pola yang agak sama terhadap lagu-lagu kegemaran mereka di mana kegemaran mereka adalah mengikut citarasa tersendiri.

Apabila perbandingan dibuat di antara kedua-dua kumpulan responden, responden-responden darah kacukan kurang

menunjukkan sifat etnosentrisme berbanding dengan responden-responden bukan darah kacukan.

Seperti mana yang telah diterangkan dalam bab pertama, etnosentrisme melibatkan perasaan yang positif terhadap kumpulan sendiri dan perasaan negatif terhadap kumpulan lain. Akibat daripada sifat tersebut, orang-orang dari kumpulan etnik yang berlainan sering gagal memahami tujuan dan hasrat di antara satu sama lain. Kegagalan dalam memahami norma dan nilai-nilai kumpulan lain mengakibatkan salah tafsiran mengenai adat resam dan amalan-amalan tertentu.

Jadi apa yang dapat disimpulkan ialah anak-anak darah kacukan mempunyai nilai dan gaya hidup yang bersifat lebih terbuka dalam erti kata mereka tidak menunjukkan sifat etnosentrisme yang keterlaluan berbanding dengan anak-anak bukan darah kacukan.

Oleh kerana anak-anak darah kacukan terdedah kepada dua jenis kebudayaan iaitu budaya ibu dan budaya bapa, maka mereka lebih senang menerima dan memahami orang lain. Selagi seseorang itu tidak dipengaruhi oleh sikap etnosentrik, selagi itulah ia tidak akan dipengaruh oleh idea-idea stereotaip.

Masalah utama yang boleh dikatakan membawa kepada pengaruh idea-idea stereotaip disebabkan oleh kecenderungan masyarakat untuk memandang dan menganalisa setengah-setengah isu seperti status bumiputera dan menjadikannya isu perkahwinan. Fikiran perkauman ini pula disampaikan kepada

generasi-generasi muda melalui proses sosialisasi oleh keluarga, guru-guru ataupun rakan-rakan sebaya. Oleh itu, keluarga dan guru-guru terutamanya, harus memberi pendidikan kepada individu-individu dalam bentuk yang tidak berprejudis.

Pencapaian perpaduan negara sepatutnya dijadikan tanggungjawab setiap rakyat Malaysia. Walaupun ia merupakan satu perjuangan yang sukar dan akan memakan masa yang lama, setiap lapisan masyarakat mesti mempunyai pandangan yang optimistik dalam mencapai perpaduan negara.

Dengan itu, pengkaji berpendapat perkahwinan campur atau perkahwinan di antara etnik, sedikit sebanyak boleh memenuhi sebahagian daripada perpaduan negara. Perkahwinan campur akan melahirkan anak-anak yang terdedah kepada dua jenis kebudayaan dan seterusnya mewujudkan ahli-ahli masyarakat yang tidak prejudis, tidak bersikap stereotaip mahupun bersifat etnosentrisme.

BIBLIOGRAFI

1. Berry, B., Race And Ethnic Relations, Houghton Mifflin Company, Boston, 1965.
2. Bailey, K.D., Kaedah Penyelidikan Sosial, terjemahan Hashim Awang, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.
3. Chew Hock Thye, Masalah Perpaduan Nasional, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.
4. Hirschman, C., Ethnic And Social Stratification In Peninsular Malaysia, American Sociological Association, 1975.
5. Hoo Lai Lai, Hubungan Etnik Di Universiti Malaya: Satu Penelitian Terhadap Sikap Pelajar-Pelajar Cina, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, 1989.
6. Jomo, ed., Dasar-Dasar Ekonomi Mahathir, Institut Analisa Sosial, Kuala Lumpur, 1986.
7. Kin Long, ed., Konsep Kebudayaan Malaysia, K. Das Ink, Petaling Jaya, 1987.
8. Levine R.A. & Campbell, D.T., Ethnocentrism: Theories of Conflict, Ethnic Attitudes And Group Behavior, John Wiley & Sons, Inc., New York, London, Sydney, Toronto, 1972.
9. Ng Chin Teng, Masalah Perkauman Melayu-Cina Di Kalangan Pekerja-Pekerja: Kes Perbandingan Di Kilang Dan Pasaraya, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, 1987.
10. Riaz Hassan & Benjamin G., Ethnic Outmarriage Rates In Singapore: The Influence Of Traditional Socio-Cultural Organization, Department Of Sociology, University of Singapore, 1972.
11. Stang, D.J. & Wrightsman L.S., Dictionary Of Social Behavior And Social Research Methods, Brooks/Cole Publishing Co., Monterey, California, 1981.
12. Stuart, I.R., & Edwin, L., Interracial Marriage: Expectations And Realities, Grossman Publishers, New York, 1973.
13. Sumner, W.G., Folkways, A Study Of The Sociological Importance Of Usage, Manners, Customs And Morals, Dover, New York, 1906.

14. Theodorson, G.A., & Theodorson, A.G., A Modern Dictionary Of Sociology, Cornwell, New York, 1969.
15. Ting Chew Peh, Hubungan Ras Dan Etnik: Suatu Pengantar, Pustaka Dimensi, Kuala Lumpur, 1987.
16. Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
17. Wen-Shing Tseng, McDermott Jr., John F., Maretzki, Thomas W., Adjustment In Intercultural Marriage, Department of Psychiatry, University of Hawaii, 1977.
18. Wong Hoy Kee, Francis, Perspectives: Development Of Education In Malaysia And Singapore, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1972.

Journals

Lee Boon Thong, "Ethnicity And Class In Urban Residential Mobility: Some Empirical Observations", Journal Ilmu Kemanusiaan Dan Sains Kemasyarakatan - AKADEMIKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 1, 1980.

Sanusi Osman, "Perkahwinan Antara Etnik: Satu Kajian Di Bandar Melaka", Journal Ilmu Kemanusiaan Dan Sains Kemasyarakatan - AKADEMIKA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 19, 1981.